MD MASUD RANA MD MOFIZUDIN A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
SURIYADI HALIM OMAR HMR
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-99-2007]
31 MEI 2010 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Kesalahan membunuh - Sama ada pertuduhan-pertuduhan telah dibuktikan terhadap perayu - Keterangan yang dikemukakan - Sama ada keadaan minda perayu mewajarkan pengurangan pertuduhan kepada* D *pensabitan di bawah s. 304 Kanun Keseksaan - Kanun Tatacara Jenayah, s. 182*

PROSEDUR JENAYAH: *Pembelaan - Hilang akal - Beban pembuktian - Sama ada berjaya dibuktikan oleh perayu - Keterangan* E *yang dikemukakan - Tingkah laku perayu selepas kesalahan dilakukan - Sama ada ia menyokong pembelaannya - Kanun Keseksaan, s. 84*

PROSEDUR JENAYAH: *Penyiasatan polis - Pernyataan beramaran - Sama ada penerimaan masuk pernyataan beramaran perayu oleh* F *hakim bicara adalah betul - Faktor-faktor yang harus diambil kira - Sama ada pernyataan beramaran perayu telah diambil daripadanya secara dorongan atau ugutan - Sama ada pernyataan beramaran perayu telah diberikan secara sukarela - Sama ada perayu mempunyai keupayaan untuk membuat pernyataan beramaran tersebut - Penilaian* G *keterangan - Sama ada perayu telah diberikan amaran sebelum pernyataannya direkodkan oleh pegawai polis - Kanun Tatacara Jenayah, s. 113(1)*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Keputusan hakim bicara - Sama ada hakim bicara telah khilaf dalam membuat keputusannya - Faktor-* H *faktor yang harus diambil kira - Sama ada hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada semua fakta yang relevan dan telah menilai keterangan secara objektif dan dari segala sudut sebelum membuat keputusannya*

I

A ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Saksi - Pemanggilan saksi oleh pendakwaraya - Kegagalan pendakwaraya memanggil Cif Inspektor untuk memberi keterangan - Sama ada Cif Inspektor merupakan seorang saksi yang penting - Sama ada pendakwaraya cuba untuk menyembunyikan keterangan dengan tidak memanggil saksi ini - Akta*
B *Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai*

Perayu telah disabitkan kesalahan di bawah s. 302 dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan. Faktanya adalah pada 28 Julai 2001, tujuh orang mangsa kesemuanya yang telah mati dijumpai di
C dalam rumah tempat kejadian. Kematian kesemua mangsa-mangsa tersebut disebabkan kecederaan luka potong. Kesan darah perayu didapati dijumpai oleh SP8, seorang ahli kimia dan pakar DNA, di pintu bilik belakang rumah tempat kejadian dan juga rangka pintu bilik yang sama. SP19, seorang pemandu teksi, juga telah melihat
D perayu menuju ke tempat terletaknya rumah tersebut. Di peringkat penutupan kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bagi ketujuh-tujuh kesalahan yang dipertuduhkan. Hakim bicara telah bergantung kepada pernyataan beramaran
E perayu, keterangan SP19 dan keterangan DNA oleh SP8 untuk mendapati perayu bersalah. Perayu memfailkan rayuan ini. Isu-isu yang dihujahkan oleh perayu dalam rayuan ini adalah (i) sama ada keputusan hakim bicara menerima masuk pernyataan beramaran perayu yang juga telah diputuskan oleh hakim bicara sebagai
F pengakuan bersalah perayu adalah betul; (ii) sama ada keputusan hakim bicara bahawa perayu gagal untuk membuktikan pembelaannya di bawah s. 84 Kanun Keseksaan bahawa beliau hilang akal ketika melakukan jenayah itu adalah betul.

G **Diputuskan (menolak rayuan)**
Oleh Hasan Lah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Setelah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dalam prosiding perbicaraan dalam
H perbicaraan berkaitan pernyataan beramaran perayu dan alasan-alasan yang diberikan oleh hakim bicara untuk menerima masuk pernyataan beramaran tersebut, adalah didapati bahawa hakim bicara jelas dengan undang-undang penerimaan masuk pernyataan beramaran sebagai keterangan
I dalam perbicaraan dan pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan dengan syarat bahawa pernyataan itu tidak pada pandangan mahkamah disebabkan oleh dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada kaitan dengan tuduhan terhadap

perayu dan bahawa amaran seperti yang dinyatakan dalam s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah telah diberikan kepada perayu sebelum pernyataan tersebut direkodkan oleh pegawai polis. (perenggan 21)

(2) Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada dan dapatan fakta oleh hakim bicara bahawa perayu boleh bertutur dengan baik dan boleh membaca dalam Bahasa Malaysia, hujahan peguam terpelajar perayu bahawa P101A bukanlah percakapan perayu kerana perayu tidak mungkin menggunakan Bahasa Malaysia sepertimana yang terkandung di dalam P101A, adalah tidak bermerit. Hakim bicara telah berpuas hati bahawa pernyataan itu dibuat oleh perayu sendiri dan dapatan fakta hakim perbicaraan yang telah dibuat berasaskan keterangan-keterangan yang diberi dihadapannya, tidak harus diganggu. Hakim bicara juga telah memberi alasan kenapa beliau berpendapat sedemikian dan kami tidak mendapati apa-apa kecacatan dalam keputusan tersebut. (perenggan 25)

(3) Mengenai tempoh masa empat jam yang telah diambil untuk merakam percakapan perayu, hakim bicara telah mendapati bahawa perayu berada dalam keadaan sihat sewaktu pernyataan beramaran tersebut diambil dan tiada dakwaan daripada perayu bahawa dia tidak diberi makan sewaktu di dalam tahanan polis ataupun bahawa pihak polis menghadkan waktu tidurnya sungguhpun perayu mengatakan bahawa dia hanya tidur lebih kurang 2 jam setiap hari dalam tahanan polis. Oleh itu, hakim bicara telah memutuskan bahawa tidak wujud hal penindasan sepertimana didakwa oleh perayu sewaktu P101A diberikan olehnya dan keputusan tersebut mendapat persetujuan mahkamah ini. (perenggan 28 & 29)

(4) Isu sama ada sesuatu pernyataan telah diberikan secara sukarela merupakan satu persoalan fakta dan hakim bicara yang telah melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan mengenai perkara ini berada di dalam kedudukan yang lebih baik daripada mahkamah rayuan untuk membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan tersebut. Dalam kes ini, hakim bicara telah menimbang dengan teliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan pihak pembelaan dalam perbicaraan dalam perbicaraan dan telah memberi pertimbangan kepada isu-isu yang dibangkitkan berkaitan sama ada P101A telah diberi oleh perayu secara

A sukarela tanpa apa-apa kekhilafan. Adalah didapati bahawa keputusan hakim bicara adalah betul dan tiada alasan untuk mahkamah ini menganggu keputusannya. (perenggan 33 & 34)

B **(5)** Tiada keperluan untuk Cif Inspektor Balakrishnan ('CI') dipanggil untuk memberi keterangan kerana saksi penting dalam kes ini, SP29, telah memberi keterangannya. Maka tidak timbul isu bahawa pihak pendakwa cuba menyembunyi keterangan CI dan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan C 1950 tidak terpakai terhadap pihak pendakwa. (perenggan 37)

(6) Adalah jelas bahawa SP19 telah mengambil perayu dua kali pada malam tersebut di kawasan yang sama dan bahawa beliau dapat melihat muka perayu dengan jelas. Maka D keputusan hakim bicara bahawa SP19 telah dapat mengecam perayu sebagai penumpang yang menaiki teksinya pada malam yang berkenaan dan telah menurunkannya di tempat yang dikatakannya, adalah betul dan tiada sebab untuk mahkamah ini menganggu keputusan tersebut. Hakim bicara E telah menerima keterangan SP19 sebagai keterangan yang boleh dipercayai dan beliau mempunyai kelebihan sebagai hakim bicara untuk menilai kredibiliti SP19. (perenggan 44)

(7) Keterangan SP8 mengenai ujian DNA, setelah diambilkira F bersama-sama dengan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwa secara keseluruhan, boleh diterima, dan hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila menerima keterangan SP8 untuk menunjukkan bahawa perayu berada di tempat kejadian semasa G pembunuhan tersebut berlaku. Pihak perayu gagal untuk mencabar keterangan SP8 dengan memanggil saksi pakar lain untuk menunjukkan bahawa analisa yang dijalankan oleh SP8 cacat dari segi prosedur dan tidak selamat untuk diterima sebagai keterangan. (perenggan 50)

H **(8)** Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa untuk menentukan sama ada perayu hilang akal atau tidak di bawah s. 84 Kanun Keseksaan, mahkamah hendaklah menggunakan ujian undang-undang dan bukannya ujian I perubatan. Seterusnya, beban pembuktian terletak di atas pihak yang menimbulkan pembelaan hilang akal atas imbangan kebarangkalian. Pembelaan hilang akal juga perlu dilihat dalam

konteks sama ada perayu mempunyai keupayaan untuk membuat pengakuan. Setelah meneliti keterangan-keterangan yang ada, khususnya laporan-laporan perubatan yang dikemukakan, keputusan hakim bicara bahawa perayu gagal untuk membuktikan pembelaannya di bawah s. 84 Kanun Keseksaan bahawa dia hilang akal ketika melakukan jenayah itu, atas imbangan kebarangkalian, adalah betul. (perenggan 53, 55, 56 & 58)

(9) Keterangan berkaitan tingkah laku perayu selepas kesalahan itu dilakukan adalah relevan dalam menentukan sama ada perayu hilang akal ketika melakukan kesalahan tersebut. Dalam kes ini, tindakan perayu yang cuba menghapuskan dan menyembunyikan bukti yang mengaitkannya dengan pembunuhan di rumah tersebut jelas tidak menyokong pembelaaannya bahawa dia hilang akal semasa melakukan kesalahan tersebut. (perenggan 59 & 62)

(10) Hakim bicara telah mendapati bahawa secara keseluruhan, pihak pembelaan gagal untuk membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kebenaran keterangan pihak pendakwa dan selaras dengan s 182 Kanun Prosedur Jenayah telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan melampaui batas keraguan yang munasabah ketujuh-tujuh pertuduhan terhadap perayu. Hakim bicara juga telah memperhalusi dan mempertimbangkan dengan teliti pembelaan perayu dan beliau tidak melakukan apa-apa kesilapan atau salah arah dalam undang-undang dalam membuat keputusannya. Dari segi fakta, beliau telah mempertimbangkan dengan secukup-cukupnya pembelaan perayu dan memberi penilaian sepenuhnya ke atas kesemua keterangan yang diberikan dalam kes ini. Selanjutnya, beliau telah meneliti keseluruhan keterangan secara objektif dari segala sudut. (perenggan 66)

(11) Pengakuan salah yang telah diterima masuk boleh digunakan untuk mensabitkan seseorang tanpa perlu ada keterangan sokongan, jika mahkamah berpuashati bahawa pengakuan salah itu adalah benar. Dalam kes ini, pendakwa, selain daripada eks. P101A, telah mengemukakan keterangan sokongan dalam bentuk keterangan ikut keadaan melalui keterangan SP19, keterangan SP8 mengenai ujian DNA dan keterangan SP20 mengenai kecederaan perayu. Pembohongan perayu dalam pernyataan beramarannya

A tentang bagaimana dia mendapat kecederaannya, bertujuan untuk menyembunyikan keterangan yang boleh mengaitkannya dan melibatkan dirinya dengan kejadian tersebut dan merupakan keterangan yang menyokong pihak pendakwa terhadapnya. (perenggan 67)

B ***English*** *Translation Of Headnotes*

The appellant was charged under s. 302 read together with s. 34 Penal Code. The facts were that on 28 July 2001, seven deceased victims were found dead in a house. The deaths of the deceased C victims were caused by incised wounds inflicted upon them. Traces of the appellant's blood had been found by SP8, a Chemist and DNA specialist, on the door of the back room of the house where the crime had been committed and also on the door frame of the same room. SP19, a taxi driver, stated that he had D seen the appellant heading for the house, which had been the scene of the crime. At the end of the prosecution's case, the trial judge held that the prosecution had succeeded in establishing a *prima facie* case against the appellant for all the charges brought against him. The trial judge had relied on the cautioned statement E of the appellant, the evidence of SP19 and the DNA evidence of SP8 to find the appellant guilty. The appellant filed this appeal. The issues submitted by the appellant in this appeal were, *inter alia* (i) whether the decision of the trial judge in accepting the cautioned statement of the appellant, which the trial judge had F also found to be a guilty confession, had been correct and (ii) whether the trial judge's finding that the appellant had failed to prove his defence of unsound mind under s. 84 Penal Code while committing the crime, had been correct.

G **Held (dismissing the appeal)**
Per Hasan Lah JCA delivering the judgment of the court:

(1) After having perused the evidence adduced by both parties at the trial, the trial within the trial in relation to the H appellant's cautioned statement and the reasons given by the trial judge for accepting into evidence the said cautioned statement, it was found that the trial judge had in accepting the cautioned statement, been clear on the law with regards to its admission and that it could be accepted in evidence I so long as it had not, in the opinion of the Court, been obtained by inducement, threats and or an agreement related to the charges brought against the appellant and so long as

the warning as stipulated in s. 113(1) of the Criminal Procedure Code had been read to the appellant before his statement had been recorded by the police officer.

(2) Based on the evidence adduced and the finding of fact by the trial judge that the appellant had been able to read and speak fluent Bahasa Malaysia, the submissions of learned counsel for the appellant that P101A had not been in the appellant's words as the latter could not possibly have used such language in Bahasa Malaysia, had been without merit. The trial judge had been satisfied that the statement had been made by the appellant and his findings of fact which had been made based on the evidence before him, ought not to be disturbed. The trial judge had also given his reasons as to why he had arrived at his findings and we could not find any flaw in his decision.

(3) On the 4-hour time period that had been taken to record the appellant's statement, the trial judge had found that at the point in time that the cautioned statement had been taken from the appellant, the latter had been in good health and he had not alleged that he had not been fed while under police custody or that the police had limited his hours of sleep although he had stated that he had only slept for approximately 2 hours every night during that period. Thus the trial judge had held that there had not been any oppression as alleged by the appellant when P101A had been recorded and that decision would be endorsed by this court.

(4) The issue of whether a statement had been given voluntarily had been a question of fact and the trial judge who had had the opportunity of seeing and hearing the witnesses give their evidence on the matter, had been in a better position to make an evaluation of it, compared to the appeals court. In this case, the trial judge had carefully weighed the evidence adduced by both parties at the trial within a trial and had given due weight to the issues that had been raised with regards to whether P101A had been given by the appellant voluntarily, without error. The decision of the trial judge had been correct and there had not been any reason for this court to disturb his findings.

A **(5)** There had not been a need to call Chief Inspector Balakrishnan ('CI') to give evidence, as the material witness in this case, SP29, had testified. Thus the issue of the prosecution trying to conceal CI's evidence had not arisen and the provisions of s. 114(g) of the Evidence Act 1950 B had not been applicable to them.

(6) It had been clear that SP19 had picked up the appellant from the same area, twice on the night in question, and that he had seen the appellant's face clearly. Thus the trial C judge's finding that SP19 had been able to identify the appellant as the passenger who had taken his taxi and who had alighted at the place stated, had been correct and there had not been any reason for this court to disturb it. The trial judge had accepted SP19's evidence as believable and D reliable and he had had the advantage of evaluating SP19's credibility.

(7) SP8's evidence about the DNA testing when taken together with all the other evidence submitted by the prosecution, as a whole, could be accepted, and the trial judge had made E the right decision when he had accepted SP8's evidence to show that the appellant had been at the scene of the crime when the murders had taken place. The appellant had failed to rebut the evidence of SP8 by failing to call other expert witnesses to show that the analysis that had been carried F out by SP8 had been flawed procedurally and had thus not been safe to accept as evidence.

(8) It was an established principle of law that in order to determine whether or not the appellant had been of unsound G mind under s. 84 of the Penal Code, the court would have to use the legal test as opposed to the medical test. Further the burden of proof had been on the defence, on a balance of probabilities. The defence of unsound mind also had to be looked at in the context of whether the appellant had H had the capacity to make a confession. After perusing all the evidence before the court, especially the medical reports submitted, the trial judge's decision that the appellant had failed to prove his defence under s 84 of the Penal Code whilst he had been committing the crime, on a balance of I probabilities, had been correct.

(9) The conduct of the appellant after the crime had been committed had been relevant in determining whether or not he had been of unsound mind when committing the offence. In this case, appellant's actions of trying to dispose off and conceal evidence that would link him to the murders that had taken place in the said house, had clearly not supported his defence that he had been of unsound mind when committing the murders.

(10) On the whole, the trial judge had determined that the defence had failed to raise reasonable doubt against the prosecution's case and relying on s. 182 of the Criminal Procedure Code, he had held that the prosecution had proven beyond reasonable doubt, all the seven charges against the appellant. The trial judge had also narrowed down and considered with care the appellant's defence and he had not made any mistake or committed any misdirection in law in arriving at his decision. In relation to the facts, he had properly evaluated the appellant's defence and given a thorough evaluation to all the evidence adduced in this case. Further he had evaluated all the evidence objectively and from all angles.

(11) The confession of guilt which had been admitted into evidence could be used to commit a person without the need for any further supporting evidence, if the court were satisfied that the confession had been true. In this case, the prosecution, apart from exh. P101A, had adduced additional evidence through the circumstantial evidence of SP19, the evidence on the DNA testing of SP8 and the evidence of the injuries suffered by the appellant through SP20. The appellant's lies in his cautioned statement as to how he had obtained his injuries, had been to hide any evidence that had linked him to the crime and had in fact been evidence in support of the prosecution's case against him.

Kes-kes yang dirujuk:

Baharom v. PP [1960] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***

Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***

Director of Public Prosecutor v. Ping Lin [1976] AC 574 ***(dirujuk)***

Goh Yoke v. PP [1969] 1 LNS 48 FC ***(dirujuk)***

Hanafi Mat Hassan v. PP [2006] 3 CLJ 269 CA ***(dirujuk)***

John Nyumbei v. PP [2007] 2 CLJ 509 CA ***(dirujuk)***

Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA ***(dirujuk)***

A *Muharam Anson v. PP [1980] 1 LNS 137 FC* ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Osman & Anor v. PP [1966] 1 LNS 126 FC ***(dirujuk)***
PP v. Misbah Saat [1998] 1 CLJ 759 HC ***(dirujuk)***
B *PP v. Zainal Abidin Mohd Zaid [1993] 1 CLJ 147 HC* ***(dirujuk)***
Rajagopal v. PP [1976] 1 LNS 122 FC ***(dirujuk)***
Sharom Ahmad v. PP [2000] 3 SLR 565 ***(dirujuk)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 FC
Tan Ewe Huat v. PP [2004] 1 CLJ 521 FC ***(dirujuk)***

C **Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, ss. 113(1), 182
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, ss. 84, 300

D **Sumber-sumber yang dirujuk:**
Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes, 5th edn, p 289

Bagi pihak perayu - S Vijayaretnam; T/n Veizay & Co
Bagi pihak responden - Awang Armadajaya Awang Mahmud (Tetralina Ahmed bersamanya); TPR

E *[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Perbicaraan Jenayah No: MT(4) 45-36-2002, MT(4) 45-48-2002, MT(4) 45-49-2002, MT(4) 45-50-2002, MT(4) 45-51-2002, MT(4) 45-52-2002 & MT(4) 45-53-2002]*

F *Dilaporkan oleh Sharmini Pillai*

PENGHAKIMAN

G **Hasan Lah HMR:**

[1] Perayu telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi di Johor Bahru pada 12 Julai 2007 atas 7 kesalahan membunuh yang dikatakan dilakukan pada 28 Julai 2001, jam lebih kurang 1.41 pagi
H hingga 7.43 pagi, di rumah No. 8, Jalan Bakawali 21, Taman Johor Jaya, Johor Bahru bersama-sama dengan Razaul Karim bin Md Soleman iaitu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan. Rayuannya ke mahkamah ini telah ditolak dan sabitan serta hukuman yang
I dijatuhkan telah dikekalkan. Alasan-alasan bagi keputusan kami adalah seperti berikut.

Kes Pendakwaan

[2] Fakta kes sebagaimana yang dirumuskan oleh hakim bicara adalah seperti berikut.

[3] Pada petang 28 Julai 2001, Harichandran a/l Balakrishnan (SP15), yang mempunyai tali persaudaraan dengan kesemua mangsa, telah pergi ke rumah tempat kejadian setelah diberitahu oleh seorang jiran bahawa rumah tersebut berada dalam keadaan kegelapan. SP15 membuka pintu pagar hadapan yang berkunci dengan kunci yang dimiliki olehnya. Apabila SP15 masuk ke perkarangan rumah SP15, mendapati pintu rumah dalam keadaan bermangga. SP15 telah memanggil penghuni rumah tersebut beberapa kali tetapi tiada jawapan. Oleh kerana SP15 tidak mempunyai kunci rumah tersebut, SP15 telah mencabut dua keping cermin tingkap hadapan untuk melihat ke dalam dan SP15 nampak dua mayat di ruang tamu rumah tersebut.

[4] C/Insp Mohd Zunaidi Nahrib bin Abdullah (SP25) adalah antara pegawai polis yang mula-mula sampai di tempat kejadian setelah mendapat maklumat mengenai kejadian tersebut pada hari yang sama. SP25 bersama-sama dengan anggota-anggotanya telah memecah pintu gril dan pintu depan rumah tersebut untuk masuk ke dalam. SP25 mendapati ada terdapat tujuh orang mangsa kesemuanya dalam rumah tersebut terbaring di beberapa tempat. Kesemua mangsa didapati telah mati. Kesemua mangsa adalah penghuni rumah tersebut dan mereka adalah Mangala Gowri a/p Kathiravalu (pertuduhan pertama), Muniandi a/l Supiah (pertuduhan kedua), Vasagi a/p Balakrishnan (pertuduhan ketiga), Suppiah Amudavalli a/p Suppiah (pertuduhan keempat), S. Perumal a/l S Suppan (pertuduhan kelima), Letchimee a/p S. Suppah (pertuduhan keenam) dan Ramaiee a/p Suppiah (pertuduhan ketujuh).

[5] Dr Shahidan bin Md Noor (SP6), Pakar Patologi Forensik, telah menjalankan post-mortem ke atas kesemua mayat pada 30 Julai 2001. Beliau telah menyatakan bahawa sebab kematian kesemua mangsa adalah seperti berikut:

(a) Mangala Gowri a/p Kathiravalu - luka potong dileher (incised wound on the neck);

(b) Muniandi a/l Supiah - luka potong di leher (incised wound on the neck);

A (c) Vasagi a/p Balakrishnan - luka potong di leher (incised wound on the neck);

(d) Suppiah Amudavalli a/p Suppiah - luka potong di leher (incised wound on the neck);

B (e) S Perumal a/l S Suppah - luka potong di leher dan luka tikaman di badan (incised wound on the neck and stab wound on the abdomen);

(f) Lechimee a/p S Suppah - luka potong di leher (incised wound C on the neck); dan

(g) Ramaiee a/p Suppiah - luka potong di leher (incised wound on the neck).

D **[6]** Berdasarkan keterangan SP6, kecuali mangsa bernama Muniandi a/l Suppiah, kebanyakan mangsa mengalami lebih daripada enam kecederaan luka potong. Mangsa Muniandi a/l Suppiah hanya mengalami satu kesan luka potong di bahagian belakang kiri lehernya. SP6 menyatakan dalam keterangannya bahawa dengan kecederaan-kecederaan yang dialami yang mana E bahagian arteri terputus, bekalan darah ke otak juga terputus seseorang mangsa itu boleh mati dalam tempoh yang singkat. Dalam hal mangsa-mangsa yang terlibat ini, SP6 juga menyatakan kesemua mereka boleh mati dalam tempoh kurang dari satu jam.

F **[7]** Eric a/l John Edmund Mendez (SP19) adalah seorang pemandu teksi. Pada 28 Julai 2001 jam lebih kurang 1.45 pagi dia ada mengambil dua orang penumpang lelaki warga Bangladesh di Desa Cemerlang setelah mendapat tempahan daripada panggilan Citycab. Kedua-dua penumpang tersebut memberitahunya bahawa G mereka hendak pergi ke Taman Johor Jaya. Apabila sampai di Jalan Dedap, Taman Johor Jaya salah seorang daripada mereka telah membayar tambang teksi dan mereka turun dari teksi. SP19 melihat mereka melintas jalan dan menuju ke arah Jalan Bakawali di taman tersebut. Salah seorang daripada penumpang tersebut H dicamkan oleh SP9 sebagai perayu.

[8] Encik Primulapathi Jaya (SP8), seorang Ahli Kimia yang merupakan pakar DNA, menyatakan dalam keterangannya bahawa beliau telah menerima beberapa barang kes untuk ujian DNA I daripada pegawai penyiasat kes (SP9). Berdasarkan kepada ujian DNA yang dilakukan oleh SP8 beliau mendapati, antara lainnya, bahawa terdapat kesan darah perayu pada pintu bilik belakang rumah tempat kejadian dan juga rangka pintu bilik yang sama.

[9] Semasa perbicaraan hakim bicara telah menerima pernyataan beramaran perayu tetapi telah menolak percakapan beramaran Razaul Karim selepas mengadakan satu perbicaraan dalam perbicaraan.

Kes Pembelaan

[10] Dalam pembelaannya perayu memilih untuk berdiam diri tetapi telah memanggil seramai empat orang saksi pembelaan untuk memberi keterangan, yang mana dua daripadanya adalah Pakar Psikiatri iaitu Dr Jeyarah Selvadurai (SD1) dan Dr Wan Zafidah binti Wan Nawawi (SD3). SD1 adalah seorang Pakar Psikiatri yang mempunyai kelayakan dan pengalaman luas hampir 30 tahun dalam bidang psikiatri. Beliau telah menemuduga dan memeriksa perayu di penjara Simpang Renggam, Johor sebanyak tiga kali iaitu pada 26 Januari 2007, 8 Februari 2007 dan 15 Februari 2007 untuk tujuan pemeriksaan psikiatri dan penilaian. Beliau telah mengemukakan laporan pemeriksaan psikiatri ke atas perayu bertarikh 28 Februari 2007 iaitu eks. D164.

[11] Berdasarkan maklumat yang diberi oleh perayu kepada SD1 serta juga 'mini mental state examination', SD1 telah memberi pandangan seperti berikut:

(a) Md Masud was under severe stress for about three months prior to the incident. He had fears that he may not get his money back from Vasagi dan family. He was anxious and depressed at the time leading to the night of incident.

(b) since the incident, he has been suffering from depression as indicated by the following:

- Medical report from Hospital Permai Johor Bahru dated 18.7.2003 that stated his behaviour had changed from a happy and friendly person to a quiet, withdrawn and aloof person;

- Medical report by Dr Wan Zafidah, psychiatrist from Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, that Md. Masud was depressed with symptoms;

- Mood, difficulty sleeping, feeling tired easily, crying and had suicidal ideas;

- The other reports just stated that Md Masud did not suffer from any serious mental disorder with no mention of depression.

A (c) Md Masud has been found to have the following symptoms and signs during my examinations:

- Depressed mood with suicidal thought,
- Reduced thought process and form of thought,

B

- Sleep disturbances,
- Lack of energy and motivation,
- Moderate impartment of his cognitive functions,

C

- Amnesia-inability to recall the details of the incident.

[12] SD1 seterusnya menyatakan pendapatnya bahawa 'I am of the opinion that Md Masud is suffering from Dissociative Amnesia associated with Depression. Dissociative Amnesia (D.S.M.
D IVF44.0) is the inability to recall important personal information, usually a stressful or traumatic event that is too extensive to be explained by normal forgetfulness. This is usually associated with Depression.'

E **[13]** SD3 adalah Pakar Psikiatri, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Beliau telah menyediakan laporan perubatan ke atas perayu iaitu eks. D164B. Dalam laporannya itu SD3 telah menyatakan bahawa perayu telah menunjukkan tanda-tanda penyakit kemurungan (depression) yang
F bercirikan dengan rasa sedih yang berterusan, sukar tidur, cepat terasa penat dan sering menangis. Menurut SD3 penyakit kemurungan itu telah bermula semenjak perayu ditahan.

[14] Mohd Saiful Islam (SD2) adalah jurubahasa Bangladesh yang membantu SD1 sewaktu SD1 menemuduga perayu di Penjara
G Simpang Renggam. SD2 mengatakan bahawa beliau menghadapi masalah untuk memahami apa yang dituturkan oleh perayu dan SD2 juga menyatakan bahawa beliau perlu mengulangi sesuatu soalan beberapa kali sebelum perayu memahaminya.

H **[15]** Wong Yuk Lin (SD4) bertugas sebagai kerani am di Syarikat Solid Plus Industries Sdn Bhd, tempat perayu bekerja sebelum dia ditangkap oleh pihak polis. Menurut SD4 perayu telah mula bekerja di syarikat tersebut sebagai pekerja am sejak tahun 1994. Perayu seorang warganegara Bangladesh yang merupakan seorang
I pekerja yang baik, sentiasa hadir bekerja dan tidak pernah cuti sakit dan diberi gaji bulanan termasuk elaun lebih masa purata sebulan sebanyak RM1,200. Menurut SD4 perayu adalah seorang

yang sentiasa gembira dan aktif. Pada bulan Jun 2001 SP4 telah menguruskan pembelian tiket penerbangan untuk perayu pulang ke negara asalnya kerana perayu tidak berhasrat untuk menyambungkan kerjanya apabila permit kerjanya akan tamat pada bulan Ogos 2001.

[16] Pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan pematahan (rebuttal evidence) melalui Dr Benjamin Chan Teck Ming (SP33). Beliau adalah Penguasa Perubatan dan Pengarah Hospital Permai, Johor Bahru dan beliau merupakan Pakar Perunding Kanan Forensik Hospital berkenaan. Beliau telah memberi keterangan dan juga mengemukakan laporannya bertarikh 14 November 2006 yang ditanda sebagai eks. D 164D.

Keputusan Hakim Bicara

[17] Di peringkat penutupan kes pendakwaan hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bagi ketujuh-tujuh kesalahan yang dia dipertuduhkan. Hakim bicara, walau bagaimanapun, mendapati pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap Razaul Karim bagi kesemua pertuduhan.

[18] Di akhir kes hakim bicara memutuskan seperti berikut:

(a) pernyataan beramaran perayu (eks. P101A) telah dibuat secara sukarela.

(b) kandungan pernyataan beramaran tersebut yang merupakan pengakuan salah adalah benar.

(c) pendedahan yang dibuat oleh perayu di dalam pengakuan salahnya adalah bukan terhasil daripada minda yang diakibatkan atau dijangkiti oleh mana-mana penyakit mental.

(d) berdasarkan sifat dan kecederaan yang dialami oleh ketujuh-tujuh mangsa perayu memang mempunyai niat bersama hendak menyebabkan kematian.

(e) pada masa berlaku kejadian tersebut perayu tidak mengalami apa-apa penyakit mental yang boleh mengakibatkan sebarang keganjilan pada minda yang melemahkan imbangan mentalnya.

(f) pihak pembelaan tidak berjaya membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kebenaran keterangan pihak pendakwa.

A (g) pihak pendakwa telah berjaya membuktikan melampaui keraguan yang munasabah diatas ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut terhadap perayu.

Pernyataan Beramaran Perayu

B **[19]** Hakim bicara telah bergantung kepada pernyataan beramaran perayu, keterangan SP19 dan keterangan DNA oleh SP8 untuk mendapati perayu bersalah. Isu utama yang dihujahkan oleh peguam terpelajar bagi pihak perayu dalam rayuan ini ialah mengenai keputusan hakim bicara menerima masuk pernyataan C beramaran perayu yang juga telah diputuskan oleh hakim bicara sebagai pengakuan bersalah perayu. Pernyataan beramaran perayu telah dirakamkan pada 3 Ogos 2001 oleh DSP Yap Toon Khuan (TSP1). Menurut peguam terpelajar perayu adalah dari keturunan Bengali yang datang dari Bangladesh. Standard Bahasa Malaysia D yang digunakan dalam pernyataan beramaran tersebut bukanlah bahasa yang digunakan oleh perayu kerana dia adalah warga asing. Peguam terpelajar telah merujuk kepada beberapa bahagian pernyataan percakapan tersebut untuk menyokong hujahnya itu. Semasa pernyataan tersebut diambil oleh pegawai perakam beliau E tidak menggunakan khidmat jurubahasa.

[20] Peguam terpelajar telah juga berhujah bahawa keterangan menunjukkan bahawa ada paksaan atau ugutan dan terdapat hal keadaan menindas (oppressive) semasa pernyataan beramaran itu F diberikan oleh perayu. DSP Yap telah merakam percakapan perayu daripada pukul 3.30 petang hingga 7.30 petang. Perayu didalam keterangannya semasa prosiding perbicaraan dalam perbicaraan mengatakan dia dipaksa meminum air kencing oleh orang yang ada di dalam lokap. Semasa dalam tahanan polis dia tidur lebih kurang G dua jam sahaja setiap hari. Menurut perayu dia tidak diberi khidmat seorang jurubahasa semasa pernyataan itu dirakam dan dia tidak faham apa yang dicakapkan oleh DSP Yap dan tiada apa-apa amaran dibacakan kepadanya oleh DSP Yap. Dia juga mendakwa pihak polis telah memaksanya untuk memberi H pernyataan tersebut dengan dipukul. Dia ada memberitahu mahkamah mengenai perkara itu pada 23 Ogos 2001 apabila dia dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru. Perayu juga mengatakan apabila dia ditangkap dia dipukul oleh polis, diberikan kejutan elektrik dan dipaksa minum air kencing. Pihak polis I menyuruhnya mengaku yang dia telah melakukan pembunuhan itu.

[21] Kami telah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dalam prosiding perbicaraan dalam perbicaraan berkaitan pernyataan beramaran perayu iaitu eks. P101A dan alasan-alasan yang diberikan oleh hakim bicara untuk menerima masuk pernyataan beramaran tersebut. Kami dapati hakim bicara adalah jelas dengan undang-undang mengenai penerimaan masuk pernyataan beramaran sebagai keterangan dalam perbicaraan dimana beliau menyatakan bahawa pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan dengan syarat bahawa pernyataan itu tidak pada pandangan mahkamah disebabkan oleh dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada kaitan dengan tuduhan terhadap perayu, dan mahkamah juga mesti berpuashati bahawa amaran seperti yang dinyatakan dalam s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah telah diberi kepada perayu sebelum pernyataan tersebut direkodkan oleh pegawai polis.

[22] Mengenai isu sama ada perayu fasih dalam Bahasa Malaysia hakim bicara telah mengambilkira keterangan DSP Yap yang telah menyatakan antara lainnya bahawa beliau tiada apa-apa masalah berkomunikasi dengan perayu dalam Bahasa Malaysia, perayu faham soalan yang dikemukakan kepadanya dan juga boleh menjawab dengan fasih dalam Bahasa Malaysia. Seterusnya hakim bicara telah mengambilkira keterangan seorang saksi awam iaitu Ahmad Subri bin Hassan (TSP4). Beliau bertugas sebagai Penyelia Stor di kilang Solid Plus Sdn Bhd, iaitu tempat dimana perayu bekerja sebelum dia ditangkap. Menurut TSP4 perayu mula bekerja di kilang tersebut dalam tahun 1994 atau 1995 dan perayu bekerja di bawah seliaannya selepas dua atau tiga tahun kemudian. Semasa perayu di bawah seliaannya dia berkomunikasi dengan perayu dalam Bahasa Malaysia dan perayu boleh memahami arahan sama ada secara lisan atau bertulis dalam Bahasa Malaysia. Perayu juga berbual dengan pekerja lain di kilang tersebut dalam Bahasa Malaysia.

[23] Hakim bicara juga telah menimbang keterangan perayu sendiri. Perayu menyatakan dia telah belajar Bahasa Malaysia selama dua tahun mulai dari mula-mula bekerja di kilang tersebut. Sewaktu disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya perayu telah menyatakan bahawa kilang tersebut mengambilnya bekerja setelah ia mendapati dia fasih dalam Bahasa Malaysia. Menurut perayu setelah dia diberi latihan dalam Bahasa Malaysia dan selalu bercakap dengan pekerja lain dalam bahasa tersebut, dia mula meminati Bahasa Malaysia dan seterusnya dia boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan fahamnya dengan baik. Semasa perayu disoal

balas oleh Timbalan Pendakwa Raya dia telah diminta untuk membaca butir-butir yang terdapat pada ms. 1 eks. P101A. Perayu telah mengesahkan dia faham apa yang dicatitkan berkaitan dengan butir-butir peribadinya.

[24] Mengenai isu ini hakim bicara telah memutuskan (ms. 750 Rekod Rayuan):

> Setelah saya menimbangkan semua keterangan di atas, saya tidak mempunyai apa-apa keraguan bahawa sungguhpun Bahasa Malaysia bukannya bahasa ibunda tertuduh pertama, namun dia fasih dalam bahasa tersebut. Saya mendapati tertuduh pertama boleh bertutur dengan baik serta juga boleh membaca dalam Bahasa Malaysia sebagaimana dia sendiri mengakui sewaktu memberi keterangan.

[25] Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada dan dapatan fakta oleh hakim bicara bahawa perayu boleh bertutur dengan baik dan juga boleh membaca dalam Bahasa Malaysia kami berpendapat hujah peguam terpelajar bahawa P101A bukanlah percakapan yang diberikan oleh perayu kerana perayu tidak mungkin menggunakan Bahasa Malaysia seperti dalam P101A adalah tidak bermerit. Sebelum dia ditangkap pada 30 Ogos 2001 dia telah bekerja di kilang Syarikat Solid Plus Sdn Bhd selama lebih kurang 6 tahun. Dia telah belajar Bahasa Malaysia selama dua tahun mulai dari waktu mula-mula bekerja di kilang tersebut. Bahasa yang digunakan olehnya untuk berkomunikasi di tempat kerjanya ialah Bahasa Malaysia. Memandangkan masa yang begitu lama dia bergaul dengan pekerja-pekerja lain dan bekerja di dalam masyarakat yang bertutur dalam Bahasa Malaysia kami berpendapat perayu sememangnya dapat bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dengan baik. Oleh itu tidak ada sebab untuk kami meragui kes pihak pendakwa bahawa perkataan-perkataan yang terdapat dalam P101A adalah perkataan-perkataan yang digunakan oleh perayu sendiri. Lagipun hakim bicara telah berpuas hati bahawa pernyataan itu dibuat oleh perayu sendiri dan kami tidak wajar mengganggu dapatan fakta hakim perbicaraan yang dibuat berasaskan keterangan-keterangan yang diberi dihadapannya. Hakim bicara telah memberi alasan kenapa beliau berpendapat sedemikian dan kami tidak mendapati apa-apa kecacatan (infirmities) dalam keputusan tersebut.

[26] Perayu mendakwa bahawa dia dipukul selepas dia ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Plentong. Dia juga mendakwa dia dipaksa untuk minum air kencing sewaktu di Balai Polis Sentral sekiranya dia tidak mengaku. Mengenai dakwaan ini hakim bicara

memutuskan bahawa tiada penyataan daripada perayu bahawa dia dipukul dan dipaksa meminum air kencing dengan tujuan supaya perayu memberi pernyataan beramaran kepada pihak polis. Dalam lain perkataan perayu memberi pernyataan beramaran tersebut bukan disebabkan oleh hal-hal tersebut.

[27] Mengenai aduan yang dibuat oleh perayu kepada majistret pada 23 Ogos 2001 sebagaimana yang terdapat dalam eks. T IDD157 hakim bicara berpendapat apa yang diberitahu oleh perayu kepada majistret adalah tidak benar kerana sewaktu perayu mula-mula di bawa ke mahkamah dia tidak membuat aduan sedemikian.

[28] Isu mengenai terdapatnya hal keadaan menindas semasa pernyataan beramaran itu diberikan oleh perayu juga telah dipertimbangkan oleh hakim bicara di mana beliau telah membuat keputusan ke atas dua perkara iaitu pertamanya pernyataan amaran itu dirakam daripada pukul 3.30 petang sehingga 7.30 petang iaitu mengambil masa lebih kurang empat jam. Keduanya DSP Yap tidak mematuhi Lock-up Rules kerana perayu perlu berada dalam lokap sebelum 6 petang.

[29] Mengenai isu perayu berada di luar lokap selepas pukul 6 petang hakim bicara menerima penjelasan DSP Yap bahawa seseorang pesalah itu boleh berada di luar lokap selepas pukul 6 petang mengikut atau bergantung kepada keadaan. Mengenai tempoh yang diambil selama empat jam untuk merakam percakapan perayu hakim bicara mengambilkira faktor bahawa perayu berada dalam keadaan sihat sewaktu pernyataan beramaran itu diambil dan tiada dakwaan daripada perayu bahawa dia tidak diberi makan sewaktu dalam tahanan polis. Tiada juga dakwaan daripada perayu bahawa pihak polis menghadkan masa tidurnya sungguhpun perayu mengatakan dia hanya tidur lebih kurang dua jam sahaja setiap hari semasa dalam tahanan polis. Oleh itu hakim bicara telah memutuskan bahawa tidak wujud hal keadaan yang menindas semasa P101A diberikan oleh perayu.

[30] Berdasarkan keterangan yang ada kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara dalam hal ini.

[31] Hakim bicara juga telah memutuskan bahawa amaran sebagaimana yang dikehendaki di bawah s. 113 Kanun Tatacara Jenayah telah dibaca dan diterangkan oleh DSP Yap kepada perayu dan perayu memahaminya. Beliau juga telah memutuskan bahawa semua kandungan P101A tersebut telah diberikan oleh

perayu kepada DSP Yap kerana tidak mungkin DSP Yap mengetahui mengenai kes ini dan perayu semasa disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya telah mengaku bahawa kandungan P101A tersebut diberikan olehnya. Akhir sekali hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa P101A diberikan secara sukarela oleh perayu. Oleh itu beliau menerima masuk pernyataan beramaran perayu tersebut.

[32] Kedudukan undang-undang adalah jelas bahawa tertuduh tidak mempunyai beban untuk membuktikan bahawa pernyataan yang direkodkan darinya diberi tanpa kerelaan. Beban terletak atas pihak pendakwa bagi membuktikan bahawa pernyataan diberi dengan sukarela. Juga tiada beban atas tertuduh untuk membangkitkan keraguan munasabah berkaitan kesukarelaan pernyataan tersebut. Beban atas tertuduh hanyalah untuk menunjukkan wujud keadaan syak wasangka mengenai pembuatan atau pemerekodan pernyataan tersebut. Sebaik sesuatu syak wasangka yang munasabah wujud mengenai kesukarelaan pernyataan tersebut, mahkamah berkewajipan untuk tidak menerimanya (*Tan Ewe Huat v. PP* [2004] 1 CLJ 521).

[33] Isu sama ada sesuatu pernyataan itu diberi secara sukarela merupakan satu persoalan fakta dan hakim bicara yang melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan mengenai perkara itu berada dalam kedudukan yang lebih baik daripada mahkamah rayuan untuk membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan yang diberikan. Ujian untuk menentukan kebolehterimaan sesuatu pernyataan beramaran atau pengakuan salah itu adalah sebahagiannya objektif dan sebahagian lagi subjektif (lihat *Director of Public Prosecutor v. Ping Lin* [1976] AC 574; *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101). Dalam kes *Sharom Ahmad v. PP* [2000] 3 SLR 565, Yong Pung How CJ telah memberi pandangan berikut:

> The question of whether a statement is voluntary is essentially a question of fact and the test of voluntariness is both objective and subjective. The query of whether there is an inducement, threat or promise is objectively determined while the question of whether such inducement, thereat or promise has operated on the mind of the accused must be subjectively answered from the perspective of the particular accused.

[34] Kami mendapati hakim bicara telah menimbang dengan teliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan pihak pembelaan dalam perbicaraan dalam perbicaraan dan memberi

pertimbangan kepada isu-isu yang dibangkitkan berkaitan sama ada P101A telah diberi oleh perayu secara sukarela tanpa melakukan apa-apa kekhilafan. Kami berpuashati bahawa keputusan hakim bicara adalah betul dan tiada alasan bagi kami mengganggu keputusan yang dicapai oleh hakim bicara.

Saksi Penting Tidak Dipanggil

[35] Peguam terpelajar berhujah bahawa saksi penting dalam kes ini yang terlibat dalam penyiasat kes ini iaitu Cif Inspektor Balakrishnan telah tidak dipanggil untuk memberi keterangan oleh pihak pendakwa ataupun ditawar kepada pihak pembelaan. Beliau telah merujuk kepada keterangan yang diberikan oleh SP4, SP25, SP26 dan SP29 yang menunjukkan Cif Inspektor Balakrishnan ada terlibat dalam penyiasat kes ini. Beliau seterusnya telah merujuk kepada beberapa kes yang membincangkan pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950, termasuk kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221.

[36] Dalam kes *Munusamy* Mahkamah Agung telah memutuskan antara lainnya:

> (1) it is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act, 1950 lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession nor for non-production of just any withness but only an important and material witness to the case;
>
> (2) in regard to the non-calling of the informer in this case, the protection of section 40(1) of the Dangerous Drugs act, 1952 clearly applies since the evidence showed that all the informer did was to accompany the police officer and introduce him to the appellant.

[37] Dalam kes ini peranan Cif Inspektor Balakrishnan hanyalah membantu pegawai penyiasat Supt Zainal Rashid b Hj Abu Bakar (SP29) membuat siasatan. SP29 telah memberi keterangan dengan panjang lebar dan beliau juga telah menyebut peranan yang dimainkan oleh Cif Inspektor Balakrishnan ketika membantunya. Menurut SP29 siasatan dijalankan secara berpasukan. Beliau memantau siasatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai termasuk Cif Inspektor Balakrishnan dalam membantunya menjalankan siasatan dalam kes ini. Oleh itu kami berpendapat tidaklah perlu bagi pihak

pendakwa memanggil Cif Inspektor Balakrishnan untuk memberi keterangan lagi kerana saksi yang penting dalam hal ini iaitu SP29 sendiri telahpun memberi keterangan. Oleh itu kami berpendapat tidak timbul isu bahawa pihak pendakwa cuba menyembunyi keterangan berkaitan Cif Inspektor Balakrishnan dan ini bermakna kegagalan pihak pendakwa memanggil Cif Inspektor Balakrishnan untuk memberi keterangan atau untuk menawarkannya kepada pembelaan tidaklah menjejas kes pendakwaan dan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai terhadap pihak pendakwa dalam hal ini.

Keterangan SP19

[38] Eric a/l John (SP19) sebagaimana dinyatakan terdahulu merupakan seorang pemandu teksi. Dia adalah saksi penting bagi kes pendakwa. Dalam keterangannya dia menyatakan dia ada mengambil dua orang penumpang pada jam 1.45 pagi 28 Julai 2001 di Taman Desa Cemerlang. Kedua-dua mereka adalah warga Bangladesh. SP19 dapat melihat rupa mereka terutamanya muka perayu dengan jelas. SP19 menurunkan mereka di Jalan Dedap 1 dekat dengan "Bowling Centre" di Taman Johor Jaya.

[39] Semasa pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula SP19 mengatakan sebelum 28 Julai 2001 dia telah mengenali perayu kerana perayu pernah menggunakan teksinya pada 27 Julai 2001 pada jam 10.15 malam. Sebelum 27 Julai 2001 perayu juga ada menggunakan teksinya sekali.

[40] Dalam petisyen rayuannya perayu telah menimbulkan isu-isu berikut berkaitan keterangan SP19, iaitu:

(a) Yang Arif Hakim yang bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila bersandarkan keterangan SP19 Eric a/l John Edward yang telah memberi keterangan bahawa ia mencatitkan nama-nama penumpang yang menaiki teksinya setiap hari.

(b) Yang Arif Hakim yang bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan SP19 yang telah menyatakan arah perayu dan tertuduh kedua pergi setelah turun dari teksinya yang mana adalah jauh dari tempat kejadian yang mana adalah terlalu remote untuk membuat andaian bahawa perayu dan tertuduh kedua telah pergi ke rumah mangsa.

(c) Yang Arif Hakim yang bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila pendakwaan tidak memanggil pembuat Pelan ID32 Cif Inspektor Balakrishnan tetapi telah bersandarkan atas keterangan SP19 yang menggunakan ID32 sebagai asas keterangannya di mahkamah.

(d) Yang Arif Hakim yang bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan SP19 yang telah memberi keterangan bahawa ia telah mengecam perayu selepas satu bulan dari tarikh kejadian dan pendakwaan tidak membuktikan apa-apa kawad cam malah dalam soalan balas IO (SP29) ia telah menyatakan bahawa ia tidak tahu sama ada kawad cam telah dijalankan, bila dan siapa yang menjalankan. Hakim telah berasaskan keterangan SP19 atas pengecaman perayu di mahkamah sahaja.

(e) Yang Arif Hakim yang bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa keterangan sokongan mestilah keterangan yang bebas dan boleh dipercayai walaupun keterangan SP19 langsung tidak boleh dipercayai.

[41] Mengenai keterangan SP19 hakim bicara telah menyatakan seperti berikut (ms. 776 Rekod Rayuan):

> ... Selepas turun dari teksi, SP19 dalam keterangannya menyatakan bahawa mereka dilihat melintas jalan dan menuju ke arah Jalan Bakawali di taman tersebut. Salah seorang daripada penumpang tersebut telah dicam oleh SP19 sebagai tertuduh pertama. Pada hemat saya, pengecaman tertuduh pertama oleh SP19 tidak boleh diragukan kerana sebelum itu tertuduh pertama pernah menaiki teksi tersebut sebanyak dua kali dan pada masa-masa yang berkenaan SP19 telah mengambilnya di sekitar Desa Cemerlang.

[42] Dalam hal ini kami bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bahawa isu dalam kes ini bukanlah isu pengecaman (identification) tetapi adalah isu pengenalan (recognition). Hakim bicara telah meneliti keterangan SP19 tentang perkara ini dan berpuashati bahawa SP19 dapat mengecam perayu.

[43] Dalam kes *Muharam Anson v. PP* [1980] 1 LNS 137; [1981] 1 MLJ 222, isu utama dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan ialah identiti perayu sebagai orang yang membakar rumah saksi utama pihak pendakwa, Liaw Teck. Liaw Teck dan isterinya telah memberi keterangan mengenai identiti perayu dimana Liaw Teck menyatakan dia nampak muka perayu dengan menggunakan lampu

A picit. Liaw Teck dan perayu adalah berjiran tetapi mereka tidak bercakap pada masa berkenaan. Mahkamah Persekutuan telah memberi pendapat berikut pada ms. 224:

> Having regard to the observations of Lord Morris in *Arthurs*' case
B we think the learned trial judge had properly subjected the testimonies of Liaw Teck and his wife to close scrutiny. After doing that we agree with the view of the learned trial judge that this was more a case of recognition than mere identification. On the evidence adduced before the court we also agree with his conclusion that it was the appellant who wilfully set fire to the
C dwelling house of Liaw Teck that night intending to cause its destruction.

[44] Apa yang jelas dalam kes ini SP19 telah mengambil perayu dua kali pada malam tersebut di kawasan yang sama. SP19 telah
D dapat melihat muka perayu pada malam itu dengan jelas. Sebelum itu perayu juga pernah menggunakan teksi SP19 untuk ke tempat yang sama. Oleh itu kami berpendapat keputusan hakim bicara bahawa SP19 telah dapat mengecam (mengenali) perayu sebagai penumpang yang menaiki teksinya di Desa Cemerlang dan
E kemudiannya turun di Jalan Dedap 1, Taman Johor Jaya adalah betul dan tidak ada sebab untuk kami menggangu keputusan tersebut. Hakim bicara telah menerima keterangan SP19 sebagai keterangan yang boleh dipercayai dan beliau mempunyai kelebihan sebagai hakim bicara untuk menilai kredibiliti SP19. Isu-isu lain
F yang dibangkitkan oleh perayu berkaitan keterangan SP19 pada pendapat kami adalah tidak berasas.

Deoxyribonucleic Acid (DNA)

[45] SP8, iaitu pakar DNA, tidak menggunakan pangkalan data
G DNA penduduk dari kalangan Bangladesh di Malaysia tetapi cuma menggunakan pengkalan data DNA penduduk di Malaysia dari bangsa Melayu, Cina dan India sedangkan perayu adalah seorang rakyat Bangladesh. Oleh itu peguamcara terpelajar telah berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan
H fakta apabila menerima keterangan SP8 sepenuhnya walaupun SP8 tidak menggunakan pangkalan data DNA penduduk Bangladesh.

[46] Contoh darah yang diambil pada pintu bilik belakang rumah tempat kejadian didapati oleh SP8 adalah darah perayu. Perlu
I dinyatakan bahawa SP20 (Cif Inspektor Shamsuddin bin Mohamed) telah mengesahkan bahawa semasa beliau menangkap

perayu pada 30 Julai 2001 beliau dapati perayu mengalami luka dijarinya. Dalam keterangannya SP8 menyatakan, antara lainnya, (ms. 236 dan 237 Rekod Rayuan):

> In this case based on the name of the donor of the blood specimen 'R', I used the Malaysian Malay Population Data Base because I assumed the donor was Malay based on the name given.
>
> However, if the probability of other race is required I can also provide the probability of match.
>
> The probability of the match between 'R' and 'F' and 'R' and 'G' is a statistical calculation.
>
> Based on statistical principles, they are accepted by the whole Scientific Group and it complies with SWGDAM guidelines.

Seterusnya pada ms. 238 beliau menjelaskan:

> I can provide probability of the matches based on the Chinese and Indian population in Malaysia.
>
> Based on the Chinese Population Data, the probability of randomly selected unrelated individual having the same blood profile as blood specimen 'R' labelled Md Masud Rana is 1 in 1.55 million.
>
> Based on the Indian Population Data, it is 1 in 207,000.
>
> Without the data base of Indian, Chinese and Malay population, I can't calculate the probability of the DNA match.
>
> Without the data base of Bangladesh population, I can use other population data base to calculate the probability of the DNA match based on the recommendation and guideline of the SWGDAM, contained in a book, entitled 'The Evaluation of Forensic DNA Evidence, National Academy Press, Washington D,C, 1996.

Semasa disoal balas beliau menyatakan (ms. 239 Rekod Rayuan):

> I agree I do not have the Bangladesh Population Data Base. Scientific studies based on anthoropology studies and demography pattern have indicated that Bangladesh population are closely to both the Indian and Malay population.
>
> I have read book and articles on this subject.

[47] Hakim bicara mendapati SP8 merupakan seorang yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang analisis DNA dan beliau menerima SP8 sebagai seorang pakar DNA. Hakim bicara dalam keputusannya telah berpendapat (ms. 780 dan 781 Rekod Rayuan):

Dalam membuat keputusan ke atas analisa dan ujian yang dilakukannya, SP8 telah menggunakan pengkalan data DNA penduduk di Malaysia dari bangsa Melayu, Cina dan India memandangkan tiada pengkalan data penduduk dari kalangan bangsa Bangladesh di Malaysia. Namun begitu, kaedah ini dibenarkan dalam garis panduan yang digunakan di peringkat antarabangsa seperti terkandung dalam Recommendation 4.3, The Evaluation of Forensic DNA Evidence, Committee on DNA Forensic Science, National Research Council. Tiada apa-apa keterangan lain yang membantah yang telah dikemukakan atau disarankan oleh pihak pembelaan untuk mencabar keterangan SP8 ini. Malahan, pihak pembelaan tidak mencabar dengan serius kepakaran dan keterangan SP8. Prinsip am undang-undang adalah kegagalan untuk memeriksa balas seorang saksi mengenai sesuatu yang material membentuk satu penerimaan keterangan saksi yang berkenaan. Memandangkan keterangan SP8 tidak dicabar serta tiada keterangan yang bercanggah, tiada sebab bagi saya menolak keterangan dan laporan (P131) SP8. Pendapat SP8 adalah pendapat seorang pakar yang disokong oleh alasan-alasan yang diberikan olehnya.

[48] Hakim bicara juga menyatakan bahawa keterangan DNA oleh SP8 itu juga menyokong pengakuan salah perayu dalam P101A setakat ianya menunjukkan bahawa perayu berada dalam rumah tersebut pada masa material sewaktu semua mangsa telah dibunuh.

[49] Dalam kes *Hanafi Mat Hassan v. PP* [2006] 3 CLJ 269, isu tentang cukupnya keterangan DNA telah dibincangkan dan Mahkamah Rayuan telah memutuskan pada ms. 332 dan 333:

> ... With regard to the random occurrence *ratio* PW11's evidence is merely that the probability of a randomly selected unrelated individual from the Malaysian Malay population having a matching DNA profile is approximately one in 85 billion. Ordinarily this evidence will not be sufficient as there is no explanation as to how the calculation was arrived at. However, it must be remembered that the object of this evidence is to assess the probabilities of another person having a similar match. Therefore even if another person has a similar match his involvement in the crime will be negative if the other evidence is sufficient to connect

the accused with the crime. Thus it follows that the significance of the evidence of the random occurrence *ratio* depends greatly on the other available evidence. In support reference is made to *Doheny and Adams* [1997] 1 Cr App R 369 where Philips LJ said at p. 373:

> The significance of the DNA evidence will depend critically upon what else is known about the suspect. If he has a convincing alibi at the other end of England at the time of the crime, it will appear highly improbable that he can have been responsible for the crime, despite his matching DNA profile. If, however, he was near the scene of the crime when it was committed, or has been identified as a suspect because of other evidence which suggests that he may have been responsible for the crime, the DNA evidence becomes significant. The possibility that two of the only 26 men in the United Kingdom with the matching DNA should have been in the vicinity of the crime will seem almost incredible and a comparatively slight *nexus* between the defendant and the crime, independent of the DNA, is likely to suffice to present an overall picture to the jury that satisfies them of the defendant's guilt.

And at p. 385:

> We did not find this evidence impressive, for the Crown experts were able to point to aspects of Mr Webster's approach which were conservative and which tended to balance the points made by Professor Donnelly. But in our view none of these issues have any significance in the context of the Adams appeal. The complainant had, quite comprehensively, identified one man - the appellant - as her assailant: the telephone call, his voice, his appearance, his clothing. When to this was added the fact that his DNA profile matched the crime stain, no jury could be in doubt that it was he who left that stain, whether the statistics suggested that there existed one other man, or 10, or even 100 in the United Kingdom with the same DNA profile. There is no merit in the first ground of appeal.

The other evidence adduced in this case is sufficient to connect the accused with the crime. Thus the incomplete evidence of PW11 on the random occurrence *ratio* is not significant. The evidence of PW11 on the DNA analysis is therefore sufficient.

[50] Keterangan SP8 mengenai ujian DNA, setelah diambilkira bersama-sama keterangan-keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwa secara keseluruhan iaitu keterangan SP19, keterangan SP20 dan P101A, pada pendapat kami boleh diterima

dan oleh itu hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila menerima keterangan SP8 untuk menunjukkan perayu berada di tempat kejadian semasa pembunuhan tersebut berlaku. Pihak perayu gagal mencabar keterangan SP8 dengan memanggil saksi pakar lain untuk menunjukkan analisa yang dijalankan oleh SP8 yang tidak berasaskan pengkalan data DNA penduduk Bangladesh adalah cacat dari segi prosedur dan tidak selamat untuk diterima sebagai keterangan. Oleh itu kami menolak hujah peguamcara terpelajar mengenai perkara ini.

Keterangan Psikiatrik

[51] Di Mahkamah Tinggi pihak pembela telah berhujah bahawa berdasarkan fakta dan keadaan kes ini perayu berhak pertamanya, membangkitkan pembelaan hilang akal di bawah s. 84 Kanun Keseksaan dan keduanya, membangkitkan pengecualian 4 s. 300 Kanun Keseksaan.

[52] Mengenai pembelaan hilang akal s. 84 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

> Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.

Pihak pembelaan telah memanggil dua orang Pakar Psikiatri iaitu Dr Jeyarajah Selvadurai (SD1) dan Dr Wan Zafidah bt Wan Nawawi (SD3) untuk memberi keterangan dan pendapat mereka setelah membuat pemeriksaan psikiatri dan penilaian ke atas perayu.

[53] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa untuk menentukan sama ada perayu hilang akal atau tidak dibawah s. 84 Kanun Keseksaan mahkamah hendaklah menggunakan ujian undang-undang (legal test) dan bukannya ujian perubatan (medical test). Berkaitan perkara ini Mahadev Shankar H dalam kes *PP v. Zainal Abidin Mohd Zaid* [1993] 1 CLJ 147 telah memberi pendapatnya pada ms. 149 seperti berikut:

> The issue as to whether an accused person was insane in the sense required by s. 84 of the Penal Code is a matter for the court. Legal insanity is not for the medical witnesses to decide however eminent they may be. That onus is upon the defence and it is to satisfy the court on the balance of probabilities only. It can be discharged from evidence adduced from the prosecution or

from defence witnesses. It is a lighter burden than that cast upon the prosecution who must prove the charge beyond reasonable doubt.

[54] Apabila pembelaan hilang akal di bawah s. 84 Kanun Keseksaan ditimbulkan mahkamah perlulah menimbang dua perkara utama, iaitu:

(a) sama ada tertuduh telah berjaya membuktikan, sebagai isu awal, pada masa dia melakukan kesalahan itu dia hilang akal dan

(b) jika dia telah hilang akal sama ada dia telah membuktikan bahawa disebabkan kehilangan akal itu dia tidak berupaya mengetahui bahawa perbuatannya itu adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang (lihat *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes*, 5th edn, p. 289; *John Nyumbei v. PP* [2007] 2 CLJ 509).

[55] Ianya juga adalah undang-undang yang mantap bahawa beban pembuktian terletak di atas pihak yang menimbulkan pembelaan hilang akal. (lihat *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383; *Baharom v. PP* [1960] 1 LNS 9). Beban pembuktian apabila tertuduh menimbulkan pembelaan hilang akal ialah berdasarkan imbangan kebarangkalian, sebagaimana dalam kes Sivil (*Rajagopal v. PP* [1976] 1 LNS 122; *Goh Yoke v. PP* [1969] 1 LNS 48).

[56] Pembelaan hilang akal ini juga perlu dilihat dalam konteks sama ada perayu mempunyai keupayaan untuk membuat pengakuan. Dalam kes *PP v. Misbah Saat* [1998] 1 CLJ 759 Visu Sinnadurai H telah menyatakan pada ms. 766 dan 767 seperti berikut:

> The terms "fitness to plead"; "fitness to stand trial"; "fitness to be tried" and "fitness to make defence" in the context of a person of unsound mind to stand trial are generally used to mean the same. As the High Court of Australia in *Kesavarajah v. The Queen* [1994] 181 CLR 232, pointed out at p. 234:
>
> > The use of the terms interchangeably, while not accurate, is not uncommon: see, for instance, the discussion in *Archibold, Pleading, Evidence and Practice in Criminal Cases* (1993 edition), para. 4 - 158 under the heading "Defendant unfit to plead or take his trial".
> >
> > ....

A The Criminal Procedure Code gives statutory recognition to this principle of law by providing the procedure for the courts to adopt when an accused person on trial is suspected of being of unsound mind. Section 342(1) provides:

> B Where a judge or a magistrate holding a trial has reason to suspect that the accused person is of unsound mind and consequently incapable of making his defence, he shall in the first instance investigate the fact of such unsoundness.

Therefore, there is a clear duty imposed on the court to ensure C that a person standing trial is fit to do so.

...

For purposes of investigation conducted by the judge, as to whether the accused person is capable of making his defence, that D is, whether he is fit to stand trial, the judge may receive as evidence a certificate in writing signed by a Medical Officer to the effect that such accused person is in his opinion of unsound mind or is a proper person to be detained for observation in a mental hospital, or such judge or magistrate may, if he sees fit, take oral evidence from a Medical Officer on the state of mind of such E accused person: s. 342(2).

[57] Dalam keputusannya berkaitan isu sama ada perayu telah berjaya menimbulkan pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan hakim bicara telah menimbang semua keterangan yang dikemukakan F oleh kedua-dua pihak dan memutuskan (ms. 815 dan 816 Rekod Rayuan):

> Persoalan sama ada suatu pembelaan hilang akal berjaya dikemukakan atau tidak adalah suatu perkara untuk pertimbangan dan diputuskan oleh mahkamah. Meneliti semua keterangan yang G dibentangkan oleh pihak pendakwa dan juga pembelaan di hadapan saya ini, pada hemat saya, tiada keterangan untuk menyokong hujah peguam supaya tertuduh dibebaskan dari tuduhan bunuh atas alasan hilang akal di bawah s. 84 KK. Tiada keterangan pakar perubatan bahawa pada waktu material tertuduh mengidap sebarang penyakit yang menyebabkan dia tidak mengetahui bahawa H apa yang dilakukannya adalah salah di sisi undang-undang. Pandangan SD1, jikapun diterima, bahawa "Md. Masud is suffering from Dissociative Amnesia associated with Depression. Dissociative Amnesia (D.S.M. IVF44.0) is the inability to recall important personal information, usually a stressful or traumatic I event that is too extensive to be explained by normal forgetfulness. This is usually associated with Depression", tidak mengaitkan yang tertuduh pertama hilang akal di bawah s. 84 KK. Sewaktu pihak pendakwa membentangkan kes di peringkat kes

pendakwaan, isu mengenai kehilangan akal tidak pernah dibangkitkan kepada mana-mana saksi pendakwa. Sifat dan mutu keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan tidak memberi sokongan kepada pembelaan hilang akal. Dalam hubungan ini, SP33 dalam keterangannya menyatakan bahawa Dissociative Amnesia associated with Depression tidaklah sama dengan transient insanity. Dengan kata lain, Dissociative Amnesia associated with Depression, bukanlah satu keadaan kehilangan akal. Dengan yang demikian, pada hemat saya, tertuduh telah gagal melaksanakan beban membuktikan bahawa dia hilang akal di bawah s. 84 KK ketika melakukan jenayah itu.

[58] Setelah meneliti keterangan-keterangan yang ada berkaitan dengan isu ini dengan cermat, khususnya lima laporan perubatan yang ditanda sebagai eks. D164, D164A, D164B, D164C dan D164D kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa perayu, diatas imbangan kebarangkalian, telah gagal membuktikan pembelaannya di bawah s. 84 Kanun Keseksaan bahawa dia hilang akal ketika melakukan jenayah itu.

[59] Perlu dinyatakan bahawa keterangan berkaitan tingkah laku perayu selepas kesalahan itu dilakukan adalah relevan dalam menentukan sama ada perayu hilang akal ketika melakukan kesalahan tersebut. Dalam kes *John Nyumbei v. PP (supra)*, Abdull Hamid Embong HMR telah memberi pandangan berikut pada ms. 519:

20. We have also considered the defence expounded by the appellant in his testimony. In our view the appellant's act in disposing off the skull after severing the deceased's head showed a degree of guilt and an effort to avoid detection. Where insanity is raised as a defence, this court may consider the circumstances which come after the crime. This is a material consideration in deciding whether the appellant had satisfied the test laid down under s. 84. The court may take into account such circumstances and any inference of facts to determine if a plea of insanity has succeeded.

[60] Dalam kes ini perayu, di dalam percakapan beramarannya (eks. P101A), dapat menceritakan dengan jelas kejadian pada hari kejadian iaitu bagaimana dia dan rakannya membunuh ketujuh-tujuh mangsa tersebut. Selepas melakukan pembunuhan itu dia dan rakannya telah mencuci pakaian dan badannya dan senjata yang digunakan. Dia telah menguncikan pintu rumah dan pintu pagar rumah tempat kejadian dan kemudiannya membuang kunci rumah

itu ke dalam tong sampah dan senjata yang digunakan dibuang ke dalam parit. Apabila sampai di hostel tempat tinggalnya dia telah mencuci baju dan seluarnya sebelum tidur.

[61] Semasa SP20 (Cif Inspektor Shamsuddin bin Mohamed) menangkap perayu pada 30 Julai 2001, iaitu tiga hari selepas kejadian, perayu memberitahu SP20 bahawa jari telunjuk sebelah tangan kirinya tercedera sewaktu dia bekerja di kilang, pada hal menurut percakapan beramarannya kecederaan itu berlaku di tempat kejadian.

[62] Tindakan perayu yang cuba menghapuskan dan menyembunyikan bukti yang mengaitkannya dengan pembunuhan di rumah tersebut jelas tidak menyokong pembelaan perayu bahawa dia hilang akal semasa dia melakukan kesalahan tersebut.

[63] Mengenai isu sama ada perayu mempunyai keupayaan untuk membuat pengakuan dalam perbicaraan terhadapnya kami berpendapat hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dengan mendapatkan laporan perakuan daripada Dr Benjamin Chan Teck Ming bertarikh 14 November 2006 iaitu eks. D164D. Dr. Benjamin adalah seorang Penguasa Perubatan dan Pakar Perunding Kanan Forensik, Hospital Permai, Johor Bahru. Dalam laporan tersebut, antara lain, beliau telah memperakui bahawa perayu tidak mengidap sebarang penyakit jiwa dan perayu layak untuk dibicarakan.

[64] Di Mahkamah Tinggi peguamcara terpelajar juga berhujah bahawa berdasarkan hal keadaan sebelum dan selepas kejadian ini dan keadaan minda perayu mahkamah wajar meminda pertuduhan terhadap perayu kepada kesalahan di bawah s. 304 Kanun Keseksaan iaitu mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh. Isu ini juga telah ditimbang oleh hakim bicara dengan cermat dimana beliau telah menimbang keterangan SD1 (Dr Jeyarajah Selvadurai) dan SP33 (Dr Benjamin Chan Teck Ming) dengan teliti dan beliau memutuskan (ms. 824 Rekod Rayuan):

> Pada hemat saya penglibatan tertuduh pertama dalam melakukan jenayah pembunuhan ini menjadikan ianya suatu peristiwa yang begitu traumatik kepada dirinya sendiri sehingga dia ingin melupakannya atau berpura-pura lupa untuk mengingati setiap detik peristiwa tersebut. Kesimpulan yang tercapai dari semua ini, pada hemat saya, walaupun jika ada 'Dissociative Amnesia associated

with Depression' pada tertuduh pertama, ianya terjadi selepas kejadian pembunuhan tersebut dan tidak boleh berlaku sebelum daripada kejadian itu.

Setelah memperhalusi dan menimbangkan dengan teliti semua keterangan, pada hemat saya, adalah jelas bahawa pada masa kejadian, tertuduh pertama tidak mengalami apa-apa gejala "Dissociative Amnesia associated with Depression" dan tertuduh pertama tidak mengalami apa-apa penyakit mental yang boleh mengakibatkan sebarang keganjilan pada minda yang melemahkan imbangan mentalnya sehingga menjejaskan kemampuan fikirannya untuk melakukan sesuatu. Oleh yang demikian, ini mesti bermakna bahawa tertuduh pertama sedar apa yang telah dilakukannya ke atas mangsa-mangsa pembunuhan dalam kes ini pada masa yang material.

[65] Setelah menimbang keseluruhan keterangan yang ada dan alasan yang diberikan oleh hakim bicara mengenai isu ini kami tidak dapat menerima hujah peguam terpelajar bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah mematikan orang dengan salah dan bukannya membunuh orang. Kami bersependapat dengan hakim bicara bahawa pada ketika perayu melakukan kesalahan tersebut dia tidak mengalami apa-apa penyakit mental yang boleh mengakibatkan sebarang keganjilan pada minda yang melemahkan imbangan mentalnya (mental responsibility).

[66] Hakim bicara telah juga memutuskan bahawa pihak pembelaan secara keseluruhannya tidak berjaya membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kebenaran keterangan pihak pendakwa dan selaras dengan s. 182 Kanun Tatacara Jenayah beliau telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan melampaui batas keraguan yang munasabah ke atas ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut terhadap perayu. Kami dapati hakim bicara telah memperhalusi dan mempertimbangkan dengan teliti pembelaan perayu. Kami mendapati dalam membuat keputusannya, sama ada berkaitan isu fakta atau undang-undang yang berbangkit daripada pembelaan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan, hakim bicara tidak ada melakukan apa-apa kesilapan atau salah arah dalam undang-undang. Dari segi fakta beliau juga telah mempertimbangkan dengan secukup-cukupnya pembelaan perayu dan memberi penilaian yang sepenuhnya ke atas kesemua keterangan yang diberikan dalam kes ini. Kami ingin memberi pujian kepada hakim bicara kerana telah menyediakan penghakiman yang begitu baik sekali dimana segala isu yang berbangkit dalam

A kes ini telah diperhalusi dan ditimbang dengan secukup-cukupnya dan dinyatakan dengan jelas. Beliau telah meneliti keseluruhan keterangan secara objektif dari segala sudut.

[67] Disisi undang-undang kedudukan adalah jelas bahawa
B pengakuan salah yang telah diterima masuk boleh digunakan untuk mensabitkan seseorang tanpa perlu ada keterangan sokongan, jika mahkamah berpuashati bahawa pengakuan salah itu adalah benar. Prinsip ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Osman & Anor v. PP* [1966] 1 LNS 126. Walaupun begitu dalam
C kes ini pihak pendakwa bukan sahaja bergantung kepada eksibit P101A tetapi telah mengemukakan keterangan sokongan dalam bentuk keterangan ikut keadaan melalui keterangan SP19 yang mengatakan dia ada menghantar perayu dan rakannya ke Taman Johor Jaya pada malam kejadian, keterangan SP8 mengenai ujian
D DNA (eks. P131) yang mengesahkan terdapat darah perayu di rumah tempat kejadian dan keterangan SP20 yang memberitahu perayu mengalami kecederaan pada jari telunjuk sebelah kiri apabila beliau menangkap perayu pada 30 Julai 2001. Perayu memberitahu SP20 dia tercedera sewaktu bekerja di tempat kerjanya iaitu di
E kilang. Dalam pernyataan beramarannya perayu telah menceritakan dia telah mendapat kecederaan tersebut semasa menyerang mangsa-mangsa tersebut bersama rakannya. Kami bersetuju dengan pendapat hakim bicara bahawa pembohongan oleh perayu mengenai bagaimana dia mendapat kecederaan tersebut adalah
F bertujuan untuk menyembunyikan keterangan yang boleh mengaitkan dan melibatkan dirinya dengan kejadian tersebut dan ini merupakan suatu keterangan sokongan bagi pihak pendakwaan terhadap perayu. (*Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340).

G **[68]** Kami telah meneliti dan memperhalusi dengan cermat keterangan yang ada dalam rekod rayuan dan isu-isu yang ditimbulkan oleh peguam terpelajar dalam rayuan ini serta penghakiman hakim bicara. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang
H telah dihuraikan di atas kami berpuashati bahawa sabitan terhadap perayu adalah selamat. Oleh itu kami telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu.

I